

Penubuhan universiti hadiah kepada rakyat

KOTA KINABALU, Isnin—Penubuhan universiti baru di negeri ini kelak merupakan satu 'anugerah' kepada rakyat Sabah, kata Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Lahad Datu, Encik Mohamad Yusof Amat Jamlee.

Menurutnya, rakyat Sabah sudah sekian lama menunggu supaya kerajaan persekutuan menubuhkan sebuah universiti di negeri ini.

Katanya, sikap kerajaan lalu yang tidak memberi kerjasama kepada kerajaan persekutuan adalah antara faktor yang turut menghalang usaha penubuhan sebuah universiti baru di negeri ini.

"Kini alhamdulillah kerajaan persekutuan telah

pun memberi jaminan dan saya yakin janji Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menubuhkan universiti di negeri ini akan menjadi kenyataan", katanya sebagai mengulas kenyataan Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Kelmarin, menteri pendidikan itu, memberi jaminan cadangan kerajaan negeri agar universiti baru dibina di Tawau akan dipertimbangkan.

Katanya, langkah itu bertujuan untuk menarik minat lebih ramai tenaga pengajar apabila universiti berkenaan beroperasi kelak.

Yusof menambah, cadangan kerajaan negeri supaya kerajaan persekutu-

an membina universiti itu di Tawau bukan bertujuan untuk mengeneipkan kepentingan kaum lain di negeri ini.

Katanya, semua anak watan negeri ini yang mempunyai kelayakan boleh memasuki universiti itu tanpa mengira asal dan keturunan.

Beliau menambah, daerah Tawau mempunyai kemudahan infrastruktur, komunikasi, bekalan elektrik dan air yang mencukupi bagi kegunaan universiti itu.

Selain dari itu, Tawau juga adalah lokasi yang strategik kerana berhampiran dengan negara jiran Indonesia dan Filipina, tegasnya.